

**TEKS UACAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI**  
**KUALA LUMPUR**  
**MAJLIS PENYERAHAN BUNGGUSAN HARI RAYA KEPADA PASUKAN**  
**KESELAMATAN**  
**27 MAC 1991**

Bismillahir rahmanir rahim

Yang Berbahagia Tan Sri Jeneral Hashim bin Mohd. Ali, Panglima Angkatan Tentera;  
Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Syukur Alhamdulillah sekali lagi dapat kita berkumpul pada pagi ini untuk menyempurnakan satu kewajipan BAKTI terhadap Pasukan Keselamatan negara.

2. Bagi pihak BAKTI saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan yang sudi melapangkan masa daripada tugas yang lebih penting lagi dan saya mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih.

3. Daripada hari Isnin yang lalu, Sri Perdana telah ertukar corak. Buat sementara ini, Sri Perdana menjadi kilang di mana ahli-ahli BAKTI bertugas bersungguh-sungguh secara assembly line production untuk mengeluarkan kotak-kotak berisi serunding dan beras untuk nasi himpit. Pada dua hari yang lalu, ahli-ahli BAKTI begitu cekap bertugas dalam dua shift sehari dengan tekun dan sepenuh hati. Hasil daripada dua hari bekerja bersama-sama ini ialah lebih daripada 16,000 buah kotak serunding dengan beras untuk nasi himpit dalam lebih kurang 266 katon yang besar telah berjaya disediakan.

4. Katon-katon ini ialah untuk 14,000 anggota tentera dan 2,820 anggota polis yang bertugas di kawasan-kawasan tertentu semasa Hari Raya Aidilfitri ini. Hadiah BAKTI setiap tahun ini adalah tanda penghargaan yang kecil terhadap anggota pasukan keselamatan kita kerana jasa-jasa mereka menjaga keselamatan dan keamanan negara kita yang tercinta ini. Kita bersyukur negara kita dalam keadaan aman dan selamat. Para anggota keselamatan kita bertugas, saya percaya, untuk menjaga dan mempertahankan keamanan dan keselamatan negara dan bukan bersiap sedia untuk berperang. Pertempuran apabila berlaku, baik besar mahupun kecil, tentu sekali akan mengakibatkan kerugian besar dengan pengorbanan nyawa tentera dan orang awam dan harta benda, seperti mana yang berlaku di Teluk sekarang. Adalah diharapkan bahawa negara-negara akan mengambil iktibar daripada perang Teluk itu dan memikirkan hal keamanan dan kemajuan rakyat dalam negara masing-masing daripada berperang sia-sia sahaja.

5. Oleh yang demikian, BAKTI amat bersyukur dan menyanjung tinggi adanya dalam negara kita ini kesedaran bahawa keamanan dan keselamatan rakyat adalah amat

penting sekali. Janganlah kita selalu alpa akan rahmat yang sangat besar ini atau menganggapnya biasa sahaja.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Selain daripada berbuat bakti dengan ikhlas di Sri Perdana selama dua hari lalu, ahli-ahli BAKTI dapat bersama-sama dengan rakan-rakan dalam keadaan riang dan gembira. Tidak ada masa yang sunyi sewaktu bekerja. Yang bekerja di pejabat kerajaan atau swasta mengambil cuti atau lepasan masa sedikit. Ada yang ingin bekerja malam iaitu shift ketiga jika perlu, tetapi saya lebih takut pada tindakan suami masing-masing, manalah tahu.

7. Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua ahli BAKTI yang mengemblengkan tenaga masing-masing untuk bertugas selama 2 hari yang lalu hinggalah kepada kemuncaknya pada hari ini. Perkara-perkara yang lucu dan camaraderie yang berlaku antara puan-puan adalah sesuatu kenangan manis bagi saya sendiri. Terima kasih.

8. Biasanya, tidak harus pelanggan mengucapkan terima kasih kepada pembekal bahan-bahan yang dipesan. Tetapi, di sini saya ingin ucapkan terima kasih kepada pembekal serunding BAKTI, iaitu Mejar Mansur, yang bersama-sama dengan BAKTI selama 2 hari. Seperti biasa, suatu progress-chart dicatit atas white-board supaya ahli-ahli BAKTI mendapat perangsang bekerja lebih kuat lagi. Chart itu tentu sekali meningkat setiap jam hinggalah akhir.

9. Tetapi jika saya catatkan denyutan jantung dan blood-pressure Mejar Mansur sebagai progress chart, lainlah gambarannya. Sebaik-baik sahaja serunding habis, denyutan jantungnya berlari-lari dan B.P.nya bertambah tinggi sehinggakan kita sentiasa lihat Mejar Mansur terlekat di talipon dengan muka yang muram dan pucat, kerana agaknya pembekal serunding baru dapat tangkap lembu orang untuk disembelih senyap-senyap untuk membuat serunding bagi BAKTI. Setelah serunding siap, kenderaan pula terlibat dengan kemalangan. Bayangkanlah beribu-ribu serunding berselerak di atas jalan. Kami risaukan keselamatan serunding itu daripada keselamatan pemandunya! Sewaktu menerima berita inilah wajah Mejar Mansur berubah pucat. Tetapi, Tuhan Yang Maha Esa lebih mengetahui bahawa hamba-hambanya semua baik-baik belaka dan ingin membuat amal bakti. Kenderaan serunding bukan mangsa kemalangan, hanya tersekat di jalan di mana kereta lain yang berlanggar! Semua orang mengurut dada dengan kesyukuran.

10. Sebaik tiba sahaja kotak-kotak serunding, Mejar Mansurlah menerkam dahulu dan dibawanya sendiri ke meja-meja saya, membuka kotak dengan pantas tetapi membisu seribu kata, agaknya marah dengan siapa, wallahu alam. Bila ditanya, Mejar menjawab dengan dua perkataan sahaja: "Kerana malu" katanya!

11. "All's well that ends well," kata-kata dalam bahasa Inggeris. Sehingga lewat

petang semalam semua bungkusan beres dan pasukan tentera dan polis telahpun selamat membawa peruntukan masing-masing pulang, kecuali yang ada di sini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. BAKTI berdoa semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala akan sentiasa memberi perlindungan kepada ribuan anggota tentera dan polis di mana jua mereka berada supaya mereka dapat menyambut Hari Raya Adilfitri ini dengan selesa. Didoakan juga semoga keluarga mereka dalam keadaan sihat walafiat dan selamat menunggu kepulangan suami, bapa atau saudara dengan penuh kesabaran.

13. Sekali lagi saya mengucapkan berbanyak terima kasih, khasnya kepada dif-dif kehormat yang saya harap akan sudi menerima sumbangan BAKTI yang ikhlas ini.

Sekian. Wasalam.